

HUPO TUNGGAL

Common Hoopoe

FAMILI: Upupidae
NAMA SAINTIFIK: *Upupa epops*

CIRI-CIRI

Individu dewasa bagi sub-spesies *U.e.longirostris*, ia mempunyai bahagian paruh yang panjang, kecil dan melengkung ke bawah manakala bahagian mahkota kepala berwarna merah pudar. Individu ini mempunyai jambul yang panjang berwarna hitam pada bahagian hujungnya (selalunya berada dalam keadaan menegak kelihatan seperti kipas). Pada bahagian belakang badan dan atas tongkeng, terdapat jalur hitam dan putih ke warna kuning pucat manakala pada bahagian sayap dan ekor yang berwarna hitam, terdapat jalur yang berwarna putih. Bahagian rengkong ke bahagian atas perut individu ini berwarna merah jambu gelap. Individu ini juga mempunyai bahagian atas belakang badan berwarna coklat cerah (sedikit kekelabuan), bahagian atas pangkal ekor yang berwarna putih manakala bahagian sisi badan yang berjalur hitam. Bagi individu juvenil pula, ia mempunyai bahagian atas badan yang lebih pudar manakala bahagian bawah badan berwarna coklat. Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai saiz di antara 27.0-32.5 sm.

MAKANAN

Makanan utama terdiri daripada larva serangga-serangga yang diperolehi di kawasan permukaan tanah dan najis haiwan.

HABITAT

Spesies ini boleh dijumpai di kawasan terbuka, kawasan separuh kering, semak dan belukar serta di kawasan pertanian, pada ketinggian sehingga ke 1,525 m dari aras laut. Spesies ini jarang sekali dijumpai di kawasan yang berketinggian melebihi 2,000 m dari aras laut.

BUNYI

Burung ini mengeluarkan bunyi yang lembut *hoop-hoop-hoop* (kadangkala ia menghasilkan dua nota bunyi) di mana bunyi ini menyerupai bunyi spesies Sewah Dada Putih, *Cuculus saturatus*.

PEMBIAKAN

Musim membiak bagi spesies ini adalah pada bulan Februari hingga Mei di mana sarang dibina secara ringkas di kawasan lubang pokok atau pada bahagian bangunan. Telur yang dihasilkan adalah di antara 5-7 biji berwarna biru kehijauan ke warna coklat kehijauan yang pudar. Telur ini mempunyai ukuran kira-kira 24.9 X 17.9 mm secara purata.

STATUS

Akta76/72, dipelihara sepenuhnya.